KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

HIASAN DALAMAN ASAS

TINGKATAN EMPAT DAN LIMA

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
2003.

Kementerian Pendidikan Malaysia

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

HIASAN DALAMAN ASAS

TINGKATAN EMPAT DAN LIMA

2003.

Pusat Perkembangan Kurikulum

ISBN

Diusahakan
oleh
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cetakan Pertama 2003.
©Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:-

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan dan kemahiran pada abad ke-21

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap akan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses kendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Guru perlu peka terhadap tahap kecergasan murid dan serius dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Mata Pelajaran Vokasional Menservis Motosikal dengan mengambil kira kesepaduan ilmu, kemahiran dan amalan keselamatan. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menyeronokkan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

KANDUNGAN

Kata Pengantar i

Pendahuluan 1

Matlamat Mata Pelajaran Hiasan Dalaman Asas .. 1

Objektif 1

Organisasi Kandungan 2

Pendekatan Dan Penekanan 3

Pemetaan Kandungan 5

Format Huraian 8

Huraian Sukatan Pelajaran Hiasan Dalaman Asas Tingkatan Empat .. 11

Huraian Sukatan Pelajaran Hiasan Dalaman Asas Tingkatan Lima .. 41

PENDAHULUAN

Apakah Mata Pelajaran Hiasan Dalaman Asas

Hiasan Dalaman Asas merupakan satu daripada mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah akademik dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) untuk tingkatan 4 dan tingkatan 5. Mata pelajaran ini adalah lanjutan dan peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah rendah**.**

Penggubalan mata pelajaran ini yang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dirancang untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara dengan membekalkan tenaga mahir yang berpengetahuan dalam bidang hiasan dalaman asas.

Penawaran mata pelajaran ini merupakan sebahagian usaha Kementerian Pendidikan untuk memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah menengah akademik. Persediaan awal ini adalah untuk memenuhi permintaan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang industri yang semakin meningkat seperti pembuatan dan pembinaan, elektrik elektronik, reka bentuk, katering dan pelandskapan.

Dalam mata pelajaran ini murid mempraktikkan pelbagai jenis kerja pembinaan pemasangan kemasan lantai, dinding ringan dan siling gantung. Kerja amali ini merangkumi pembacaan dan penterjemahan lukisan kerja dan lukisan terperinci, penggunaan peralatan dan bahan kemasan, aplikasi pelbagai cara pemasangan aksesori dekoratif dan hiasan perabot. Projek kerjaya dilaksanakan untuk meningkatkan daya kreatif murid. Penekanan diberi kepada amalan keselamatan di tempat kerja. Di samping itu murid berkemahiran dalam aspek pengurusan dan keusahawanan serta pengiraan kos sebagai persediaan untuk menceburi bidang perniagaan.

Murid digalakkan merebut peluang kerjaya dalam bidang hiasan dalaman. Penerapan nilai murni, sikap positif dan budaya kerja yang baik turut disepadukan dalam mata pelajaran ini.

MATLAMAT

Matlamat Mata Pelajaran Hiasan Dalaman Asas

Matlamat mata pelajaran Hiasan Dalaman Asas adalah untuk melahirkan murid yang kreatif dan berkemahiran dalam kerja pembinaan dan pemasangan kemasan lantai, dinding dan siling serta mempraktikkan teknik hiasan menggunakan aksesori dalaman dengan mengamalkan peraturan keselamatan dan budaya kerja yang baik serta boleh menjalankan perniagaan sendiri atau berupaya menjadi penyumbang tenaga kerja mahir di industri alam bina.

OBJEKTIF

Objektif Mata Pelajaran Hiasan Dalaman Asas

Kurikulum mata pelajaran Hiasan Dalaman Asas adalah untuk membolehkan murid :

1. Memasang kemasan lantai jubin, lantai kayu, lantai sintetik dan lantai karpet

2. Membina dinding ringan, memasang aksesori dinding dan hiasan dinding serta memasang kemasan dinding iaitu kemasan cat, kertas dinding, dinding berpanel dan dinding berjubin

3. Membina pemasangan kemasan siling gantung iaitu siling *cement board*, siling *gypsum board*, siling lepa, siling dekoratif, siling papan jalur dan siling logam jalur serta memasang aksesori siling

4. Mengenal pasti aksesori hiasan dalaman dan memasang hiasan perabot, kelengkapan tingkap dan pintu

5. Mentafsir dan menterjemah lukisan kerja, lukisan terperinci serta arahan pembinaan dan pemasangan kemasan hiasan dalaman

6. Mengguna dan menyenggara peralatan dan mesin pemasangan kemasan

7. Mengamalkan peraturan keselamatan dan etika kerja

8. Menguruskan kerja dengan baik dan berkomunikasi dengan berkesan

9. Membuat pengiraan kos kerja hiasan dalaman

10. Menyediakan rancangan perniagaan yang mudah dalam bidang hiasan dalaman asas.

ORGANISASI KANDUNGAN

Rangka Konsep

Mata pelajaran ini terbahagi kepada tujuh bidang pembelajaran yang diolah mengikut rangka konsep seperti berikut :

Deskripsi tujuh bidang pembelajaran bagi mata pelajaran Hiasan Dalaman Asas adalah seperti berikut :

1. Pengurusan Bengkel

Bidang ini memberi penekanan kepada pengurusan bengkel yang sistematik, amalan peraturan keselamatan, undang-undang kerja dan etika kerja. Murid menyenggara peralatan serta berusaha memelihara alam sekitar dalam industri alam bina.

2. Asas Kemasan dan Hiasan Dalaman

Bidang pembelajaran ini membolehkan murid mengetahui secara am proses aliran kerja, berkemahiran membaca lukisan kerja dan lukisan terperinci, dapat menterjemah arahan pembinaan dan pemasangan. Murid didedahkan mengenai proses pembinaan dan pemasangan serta pengiraan kos secara am.

3. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Lantai

Dalam bidang pembelajaran ini murid menjalankan latihan amali bagi pemasangan beberapa jenis kemasan lantai. Mereka menguasai kemahiran memasang kemasan lantai jubin iaitu jubin batu, jubin seramik dan mozek; kemasan lantai kayu iaitu papan jalur; parquet dan timber board; kemasan lantai sintetik iaitu jubin vinil dan linolium; dan kemasan lantai karpet iaitu karpet jubin dan karpet gulung. Murid juga menyediakan pengiraan kos bahan dan kos kerja.

4. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Dinding Ringan

Dalam bidang ini murid melakukan kerja pembinaan dinding ringan iaitu papan kapur dan papan lapis. Murid dapat mempraktikkan kemasan dinding iaitu kemasan cat emulsi; cat kilat dan varnis, kemasan kertas dinding, kemasan dinding berpanel iaitu panel kayu dan panel bersalut fabrik; dan kemasan dinding berjubin iaitu jubin seramik dan mozek. Murid juga menguasai kemahiran memasang aksesori dinding iaitu kambi; dado dan cornice, aksesori tingkap dan pintu iaitu langsir dan bidai, dan aksesori hiasan dinding iaitu lampu dan kipas angin. Murid membuat pengiraan kos bahan dan kos kerja.

5. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Siling Gantung

Dalam bidang ini murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran memasang kemasan dan aksesori pada siling. Mereka menguasai kemahiran memasang kemasan siling cement board dan gypsum board, kemasan siling papan jalur dan siling logam jalur. Murid juga menyediakan pengiraan kos bahan dan kos kerja.

6. Gubahan Bunga, Susun Atur Perabot dan Pemasangan Aksesori Dekoratif

Bidang pembelajaran ini membolehkan murid mempraktikkan kemahiran menggubah bunga, membentang alas meja, susun atur perabot dan hiasan katil. Mereka menguasai kemahiran memasang aksesori hiasan dinding iaitu bingkai gambar, rak dinding dan penyangkut serta memasang kelengkapan tingkap dan

pintu. Murid juga membuat pengiraan kos bahan dan kos kerja.

7. Keusahawanan dan Projek Kerjaya

Dalam bidang pembelajaran ini murid mempraktikkan teknik berkomunikasi dengan berkesan, berkemahiran melayan pelanggan dan membuat keputusan. Mereka mempelajari cara menyediakan rancangan perniagaan dan mengenal pasti organisasi yang membantu usahawan. Murid juga didedahkan dengan peluang kerjaya di industri alam bina serta menerima tempahan melalui projek kerjaya.

PENDEKATAN DAN PENEKANAN

Kemahiran Melalui Latihan ***Amali***

Hiasan Dalaman Asas adalah mata pelajaran yang memberi tumpuan terhadap menguasai kemahiran melalui pembelajaran yang dikendalikan secara amali. Bahagian teorinya diserap secara tidak langsung semasa menjalankan kerja amali. Teori dan amali digabungjalinkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bidang keusahawanan perlu digabungkan dalam mata pelajaran ini bagi membolehkan murid berdikari dan memajukan diri untuk menceburi industri seni bina.

Nilai Murni

Nilai murni dan sikap positif serta budaya kerja yang baik hendaklah merentas aktiviti yang dikendalikan. Tumpuan diberi ke arah murid yang berusaha mencapai kemahiran yang trampil dalam bidang hiasan dalaman asas. Bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan yang cemerlang murid hendaklah kreatif, inovatif, tekun, menepati masa dan berkeyakinan.

Kemahiran yang Relevan

Murid perlu memperoleh kemahiran yang seiring dengan apa yang dikehendaki dalam hiasan dalaman asas dan relevan dengan bidang pekerjaan yang sebenar. Pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik apabila murid dapat mengaitkan apa yang dipelajari dengan bidang kerjaya masa depan.

Kreativiti dan Kaedah Kajian Masa Depan

Unsur penting kajian masa depan hendaklah diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk merangsang daya intelek dan kreativiti murid bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan yang dapat memberi sumbangan kepada negara. Sebagai contoh dalam melaksanakan sesuatu projek murid perlu mengkaji dan merancang teknik atau kaedah terkini yang dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan hiasan dalaman untuk berdaya saing dengan mana-mana industri alam bina. Di samping itu juga murid boleh menjangka dan meramalkan kesan atau impak produk baru dalam senario hiasan dalaman.

Saiz Kelas

Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam kerja amali, saiz bagi satu kelas mata pelajaran Hiasan Dalaman Asas mestilah tidak melebihi 25 orang murid.

***Teknologi Maklumat Dan* Komunikasi**

Murid digalakkan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pembelajaran terutamanya untuk mendapat maklumat tentang perkembangan industri hiasan dalaman asas. Maklumat ini dapat mencetus idea murid dalam menghasilkan produk baru. Kemahiran ICT murid diperkembangkan dengan melayari internet atau berkomunikasi secara elektronik. Rujukan buku dan majalah juga digalakkan.

Keselamatan dan Pengendalian Bengkel

Peraturan dan langkah keselamatan hendaklah sentiasa dipatuhi dan diamalkan terutamanya semasa menjalankan kerja amali. Sebarang penggunaan peralatan dan mesin perlu diselia oleh guru bagi mengelakkan kemalangan. Organisasi dan pengurusan bengkel yang mudah boleh dilakukan oleh murid secara bergilir bagi menambahkan pengalaman, semangat bekerjasama dan bertanggungjawab serta memperingkatkan lagi tahap disiplin murid.

Tunjuk Cara

Guru perlu membuat tunjuk cara pada tajuk yang sesuai sebelum murid menjalankan kerja amali.

Modul Pembelajaran

Modul Pembelajaran Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disediakan untuk membantu murid menguasai tahap kemahiran dalam setiap unit pembelajaran. Pendekatan dalam modul ini lebih kepada kemahiran praktis di samping maklumat rujukan sebagai pengetahuan teori. Setiap modul mengandungi panduan kerja, maklumat rujukan dan penilaian.

PEMETAAN KANDUNGAN

Pemetaan Kandungan Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Susunan kandungan dalam sukatan pelajaran Hiasan Dalaman Asas untuk tingkatan 4 dan tingkatan 5 adalah seperti dalam Jadual Pemetaan Kandungan Sukatan Pelajaran. Peruntukan waktu yang dinyatakan merupakan cadangan untuk membantu guru dalam penyediaan rancangan pengajaran.

Bilangan Waktu Seminggu

Masa pengajaran mata pelajaran Hiasan Dalaman Asas ialah 12 waktu seminggu yang mana setiap waktu ialah 40 minit. Peruntukan waktu pembelajaran dicadangkan enam waktu berterusan untuk setiap sesi.

Jadual Pemetaan Kandungan Sukatan Pelajaran Hiasan Dalaman Asas

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	TING. 4 (minggu)	TING. 5 (minggu)
1. Pengurusan Bengkel	**(3)**	
1.1 Organisasi bengkel	2	
a. Peraturan dan langkah keselamatan	√	
b. Rawatan kecemasan	√	
c. Mencegah kebakaran	√	
d. Etika dan budaya kerja	√	
e. Peraturan dan undang-undang kerja	√	
f. Pemeliharaan alam sekitar di industri alam bina	√	
1.2 Penyenggaraan peralatan dan pengurusan	1	
a. Penyenggaraan alatan tangan dan mesin mudah alih	√	
b. Pengurusan stok	√	
2. Asas Kemasan dan Hiasan Dalaman	**(1)**	
2.1 Pengenalan proses aliran kerja dalam bidang hiasan dalaman	√	
2.2 Kemahiran mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	√	
2.3 Kemahiran menterjemah arahan pembinaan dan pemasangan	√	
2.4 Pengenalan bahan dan peralatan secara am	√	
2.5 Pengenalan proses pembinaan dan pemasangan secara am	√	
2.6 Asas pengiraan kos	√	
3. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Lantai	**(13)**	
3.1 Kemasan lantai jubin	6	
3.2 Kemasan lantai kayu	3	
3.3 Kemasan lantai sintetik	2	
3.4 Kemasan lantai karpet	2	
4. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Dinding Ringan	**(18)**	
4.1 Dinding ringan	3	
4.2 Aksesori dinding	1	
4.3 Kemasan cat	2	
4.4 Kemasan kertas dinding	2	
4.5 Kemasan dinding berpanel	3	

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	TING. 4 (minggu)	TING. 5 (minggu)
4.6 Kemasan dinding berjubin	2	
4.7 Aksesori tingkap dan pintu	3	
4.8 Aksesori hiasan dinding	2	
5. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Siling Gantung		**(21)**
5.1 Kemasan siling *cement board* dan *gypsum board*		6
5.2 Kemasan siling lepa (*fibrous plaster)* dan siling dekoratif		7
5.3 Kemasan siling papan jalur (*timber strip*) dan siling logam jalur (*metal strip*)		5
5.4 Aksesori siling		3
6. Gubahan Bunga, Susun Atur Perabot dan Pemasangan Aksesori Dekoratif		**(6)**
6.1 Hiasan perabot - gubahan bunga, bentangan alas meja, susun atur perabot dan hiasan katil		3
6.2 Pemasangan kelengkapan tingkap dan pintu		3
7. Keusahawanan dan Projek Kerjaya		**(8)**
7.1 Keusahawanan		2
a. Kemahiran berkomunikasi		

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	TING. 4 (minggu)	TING. 5 (minggu)
b. Kemahiran membuat keputusan		
c. Rancangan perniagaan		
d. Agensi yang membantu usahawan		
e. Pemasaran		
f. Peluang kerjaya di industri alam bina		
7.2 Projek kerjaya		6
Menerima tempahan a. Pemasangan kemasan lantai **Atau** b. Pembinaan dan pemasangan kemasan dinding ringan **Atau** c. Pemasangan kemasan siling gantung **Atau** d. Pemasangan aksesori		
Jumlah	**35**	**35**

FORMAT HURAIAN

Tiga lajur

Huraian kurikulum ini diperincikan dalam tiga lajur iaitu Bidang / Unit / Tajuk Pembelajaran; Hasil Pembelajaran; dan Cadangan Aktiviti Pembelajaran.

Bidang, Unit dan Tajuk Pembelajaran

Dalam lajur pertama dinyatakan Bidang Pembelajaran, Unit Pembelajaran dan Tajuk Pembelajaran. Dalam lajur ini cadangan peruntukan waktu pembelajaran dinyatakan bagi membantu guru.

Hasil Pembelajaran

Dalam lajur kedua dinyatakan Hasil Pembelajaran yang merangkumi keluasan dan kedalaman skop setiap unit pembelajaran. Ia dihuraikan dalam bentuk objektif perlakuan yang boleh diukur.

Cadangan Aktiviti Pembelajaran

Lajur ketiga dinyatakan Cadangan Aktiviti Pembelajaran yang bertujuan untuk membantu guru merancang dan membekalkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan bermakna kepada murid. Dalam lajur ini juga dinyatakan aktiviti dan amali murid. Guru boleh mengubahsuai cadangan ini dan mereka bentuk aktiviti tambahan yang sesuai dengan kebolehan murid dan keadaan sekeliling.

Huraian Sukatan Pelajaran untuk Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 diperincikan seperti berikut :

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

HIASAN DALAMAN ASAS

TINGKATAN EMPAT

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1. Pengurusan Bengkel (Cadangan peruntukan waktu ialah 3 minggu) 1.1 Organisasi bengkel (Cadangan peruntukan waktu ialah 2 minggu) a. Peraturan dan langkah keselamatan	• Mematuhi peraturan bengkel • Mengamalkan langkah keselamatan	Perbincangan tentang peraturan bengkel yang perlu dipatuhi semasa - berada dalam bengkel - menggunakan peralatan dan mesin. Tayangan video atau slaid tentang kemalangan yang sering berlaku di tempat kerja. Perbincangan untuk mengenal pasti punca berlaku kemalangan dan membuat kesimpulan langkah keselamatan dalam bengkel yang perlu diamalkan semasa bekerja berdasarkan tayangan video atau slaid.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Langkah keselamatan yang perlu diberi perhatian adalah seperti mengikut arahan manual bila menggunakan mesin, memakai pakaian yang sesuai untuk bengkel dan tangan hendaklah kering ketika membuka dan menutup suis. **NOTA** Murid digalakkan untuk mengamalkan **4M** sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran iaitu : **Membersih** seperti membersih diri dan persekitaran tempat kerja. **Menyusun atur** seperti menyediakan jadual tugasan dan melaksanakan sistem penyimpanan peralatan dan bahan. **Menilai** tentang diri, hasil kerja dan tempat kerja. **Mendisiplin** diri dengan cara mempraktikkan peraturan keselamatan dan mematuhi arahan.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
b. Rawatan kecemasan	• Melakukan rawatan asas pertolongan cemas bagi kecederaan luka kecil, melecur, sesak nafas, pitam, terseliuh dan kejutan elektrik	Penerangan rawatan pertolongan cemas dan rawatan kecederaan ringan. Guru boleh menggunakan tayangan video atau slaid atau carta pertolongan cemas bagi memberikan kesedaran kepada murid. Murid melakukan rawatan asas pertolongan cemas apabila berlaku kemalangan.
c. Mencegah kebakaran	• Menyatakan pelbagai punca kebakaran • Menyatakan kaedah mencegah dan memadam kebakaran	Perbincangan punca kebakaran dalam bengkel seperti bahan yang mudah terbakar (cat dan *thinner*), pendawaian elektrik (wayar bocor dan beban elektrik berlebihan). Cara mencegah kebakaran adalah seperti mengganti pendawaian elektrik yang telah lama atau rosak. Perbincangan cara penggunaan dan penjagaan pemadam api. Murid dan guru membuat latihan memadam kebakaran *(fire drill)*.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
d. Etika dan budaya kerja	• Menerangkan maksud etika dan budaya kerja	Maksud etika kerja ialah disiplin terhadap kerja seperti menepati waktu, amanah, patuh pada peraturan dan undang-undang semasa menjalankan tugas. Maksud budaya kerja ialah cara peradaban yang menjadi amalan semua pekerja dalam sesebuah organisasi.
	• Mengamalkan etika dan budaya kerja untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti	Etika dan budaya kerja yang harus diamalkan seperti kerja kuat, komited, bertanggungjawab, setia kepada organisasi dan sedia berubah ke arah positif. Menganalisis ciri pekerja berdasarkan pemerhatian terhadap seseorang pekerja yang berjaya.
e. Peraturan dan undang-undang kerja	• Menyenaraikan peraturan kerja yang perlu dipatuhi semasa melaksanakan tugas	Peraturan kerja yang perlu dipatuhi seperti memohon cuti lebih awal sebelum bercuti dan datang bertugas mengikut masa yang telah ditetapkan.
	• Menyatakan akta dan undang-undang yang berkaitan dengan pekerja	Perbincangan mengenai akta dan undang-undang yang berkaitan dengan pekerja seperti Akta Pekerjaan 1955 - upah atau gaji, cuti dan penamatan perkhidmatan; Akta Kumpulan Simpanan Pekerja 1991 - hak mencarum ahli dan majikan. Akta

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Keselamatan Sosial Pekerja 1969 - Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat.
f. Pemeliharaan alam sekitar di industri alam bina	• Menyatakan kepentingan memelihara alam sekitar dalam konteks industri alam bina	Guru dan murid bekerjasama menganjurkan ceramah oleh pegawai dari Jabatan Alam Sekitar berkaitan pencemaran dalam konteks industri alam bina. Akta yang melindungi alam sekitar seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang meliputi pencemaran tanah, udara dan air.
	• Menyatakan kesan mengabaikan pemeliharaan alam sekitar dalam konteks industri alam bina	Kesan mengabaikan pemeliharaan alam sekitar seperti pencemaran akibat sistem perparitan dan saliran yang tersumbat kerana sampah sarap. Murid diberi penerangan bagaimana membersihkan ruang kerja dan pelupusan sisa buangan dengan betul.
	• Menyenaraikan peranan industri alam bina dalam memelihara alam sekitar	Perbincangan mengenai cara memelihara alam sekitar dalam konteks industri alam bina berkaitan dengan penggunaan bahan seperti cat, kayu dan logam.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Peranan industri alam bina dalam melindungi alam sekitar seperti pelupusan sisa toksik, pembuangan sampah sarap dan mengamalkan konsep kitar semula. Murid membuat kolaj – peranan industri alam bina dalam melindungi alam sekitar.
1.2 Penyenggaraan peralatan dan pengurusan (Cadangan peruntukan waktu ialah 1 minggu) a. Penyenggaraan alatan tangan dan mesin mudah alih	• Mengenal pasti kaedah penyenggaraan alatan tangan dan mesin • Menyenggara alatan tangan • Menyenggara mesin mudah alih	Guru menerangkan kaedah menyenggara alatan tangan dan mesin. Tunjuk cara menyenggara alatan tangan yang tajam perlu dijalankan oleh guru. Murid menjalankan penyenggaraan alatan tangan seperti pemaras kayu, sudip, skop, cangkul, sesiku pemidang, gergaji dan timbang air (*sprit level*). Murid menjalankan penyenggaraan mesin mudah alih seperti pemotong jubin, *drill*, *jig saw* dan mesin jahit.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Murid menyimpan semula semua alatan yang digunakan. Kerja penyenggaraan alatan tangan dan mesin sentiasa dijalankan oleh murid dari masa ke semasa. Tempoh masa atau jangka hayat bagi kerja penyenggaraan mesin yang perlu dilakukan adalah merujuk kepada kerosakan yang dialami atau merujuk speksifikasi yang ditetapkan oleh pengeluar.
b. Pengurusan stok	• Mengurus perolehan stok	Berbincang dalam kumpulan mengenai perolehan stok untuk projek yang dilaksanakan seperti bahan dan kuantiti yang perlu dibeli, pembekal dan perbelanjaan. Perbincangan mengenai dokumen yang berkaitan seperti borang pesanan, nota serahan dan invois.
	• Merekod stok dan inventori	Stok barang kekal seperti *drill*, *jig saw* dan mesin jahit. Stok bahan luak (bahan habis guna) seperti cat, skru dan simen.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Aktiviti cara menyimpan rekod stok barang kekal dan stok bahan luak. Latihan merekod stok dalam Buku Stok atau Kad Inventori Kew . 312 dan 314.
	• Menyimpan mesin mudah alih, alatan tangan dan bahan mentah mengikut prosedur	Menyemak cara penyimpanan peralatan dan bahan mentah dalam stor bengkel.
2. Asas Kemasan dan Hiasan Dalaman (Cadangan peruntukan waktu ialah 1 minggu)		
2.1 Pengenalan proses aliran kerja dalam bidang hiasan dalaman	• Menyatakan proses aliran kerja untuk asas kemasan dan hiasan dalaman	Guru menerangkan proses aliran kerja untuk asas kemasan dan hiasan dalaman. Aktiviti tayangan slaid atau video mengenai proses aliran kerja untuk kemasan asas dan hiasan dalaman.
	• Menerangkan aspek asas reka bentuk untuk hiasan dalaman	Aktiviti tayangan slaid atau video aspek asas reka bentuk untuk hiasan dalaman.
2.2 Kemahiran mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	• Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	Guru menerangkan kepentingan mentafsir dan memahami lukisan kerja dan lukisan terperinci

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Guru menunjukkan beberapa contoh lukisan sebenar. Guru menyediakan lukisan kerja dan lukisan terperinci bagi projek yang di hasilkan. Murid mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci.
2.3 Kemahiran menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan	• Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan dalam setiap projek hiasan dalaman	Murid menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan projek.
2.4 Pengenalan bahan dan peralatan secara am	• Menyatakan bahan dan peralatan kerja projek	Guru menunjukkan pelbagai jenis bahan dan peralatan kerja untuk asas kemasan dan hiasan dalaman.
2.5 Pengenalan proses pembinaan dan pemasangan secara am	• Menyatakan langkah yang perlu di ambil kira dalam proses pembinaan dan pemasangan	Guru menerangkan langkah yang perlu di ambil kira semasa proses pembinaan dan pemasangan asas kemasan dan hiasan dalaman.
2.6 Asas pengiraan kos	• Membuat pengiraan kos	Guru menerangkan cara menyediakan pengiraan kos projek. Murid membuat latihan menyediakan pengiraan kos projek.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
3. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Lantai (Cadangan peruntukan waktu ialah 13 minggu) 3.1 Kemasan lantai jubin (Cadangan peruntukan waktu ialah 6 minggu) a. Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci b. Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan	• Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci • Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan lantai	Murid mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci . Guru menunjukkan beberapa contoh lukisan sebenar. Guru menerangkan arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan. Murid menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan lantai. Aktiviti tayangan slaid atau video berkaitan pembinaan dan pemasangan kemasan lantai.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
c. Bahan dan peralatan	• Memilih bahan dan peralatan kemasan lantai	Bahan untuk kemasan lantai jubin seperti simen, pasir dan jubin. Peralatan yang digunakan seperti pemaras keluli, *trimming square*, pemotong jubin dan mesin canai. Murid memilih dan menyediakan bahan serta peralatan.
	• Menggunakan peralatan dengan teknik yang betul	Tunjuk cara penggunaan peralatan pemasangan kemasan jubin batu, jubin seramik dan mozek. Murid menggunakan peralatan dengan teknik yang betul untuk kemasan lantai jubin batu, jubin seramik dan mozek.
d. Pemasangan kemasan lantai - jubin batu, jubin seramik dan mozek	• Merancang tanda pada lantai • Mengira kuantiti bahan	Tunjuk cara dan murid merancang tanda dan mengira kuantiti jubin mengikut keluasan lantai.
	• Memasang jubin batu	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memasang jubin batu dengan menggunakan bancuhan simen.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
	• Memasang jubin seramik	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memasang jubin seramik dengan menggunakan bancuhan simen atau simen gam.
	• Memasang mozek	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memasang mozek dengan menggunakan bancuhan simen. Semasa memasang jubin, murid sentiasa menguji kerataan permukaan dengan aras spirit.
	• Memotong jubin batu	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memotong jubin batu.
	• Mengisi ruang antara jubin	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja mengisi ruang antara jubin dengan menggunakan bancuhan simen. Bancuhan simen putih dan simen warna boleh digunakan untuk mengisi ruang antara jubin.
	• Mencanai permukaan lantai jubin batu	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja mencanai permukaan jubin batu.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
e. Pengiraan kos	• Membuat pengiraan kos kerja	Murid mengira kos kerja pemasangan kemasan lantai jubin batu, jubin seramik dan mozek. Kos kerja merangkumi kos bahan dan kos upah.
3.2 Kemasan lantai kayu (Cadangan peruntukan waktu ialah 3 minggu)		
a. Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	• Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	Murid mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci. Guru menunjukkan beberapa contoh lukisan sebenar.
b. Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan	• Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan lantai kayu	Guru menerangkan arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan. Murid menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan. Aktiviti tayangan slaid atau video pembinaan dan pemasangan kemasan lantai kayu.
c. Bahan dan peralatan	• Memilih bahan dan peralatan kemasan lantai kayu	Bahan yang digunakan seperti paku, varnis dan kayu.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Peralatan untuk pemasangan kemasan lantai kayu seperti tukul, gergaji dan *jigsaw*. Murid memilih dan menyediakan bahan serta peralatan.
	• Menggunakan peralatan dengan teknik yang betul	Tunjuk cara menggunakan peralatan memasang kemasan lantai kayu. Murid menggunakan peralatan memasang lantai kayu dengan teknik yang betul.
d. Pemasangan kemasan lantai kayu - lantai papan jalur, *timber board* dan *parquet*	• Merancang tanda pada lantai • Mengira kuantiti bahan	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja merancang tanda dan mengira kuantiti papan jalur, *timber board* dan *parquet* mengikut keluasan lantai.
	• Memotong papan jalur dan timber board	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memotong papan jalur dan *timber board*.
	• Memaku papan jalur dan timber board pada gelegar	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memaku lantai papan jalur dan *timber board* pada gelegar.
	• Memasang parquet	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memasang *parquet* pada lantai dengan menggunakan perekat.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Semasa memasang lantai papan jalur, *timber board* dan *parquet* murid sentiasa menguji kerataan permukaan dengan aras spirit. Lantai papan jalur, *timber board* dan *parquet* yang telah dipasang boleh dikemaskan dengan sapuan syelek dan lekar.
	• Mencanai permukaan parquet	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja mencanai permukaan *parquet* .
e. Pengiraan kos	• Membuat pengiraan kos kerja	Murid mengira kos kerja pemasangan kemasan lantai kayu. Kos kerja merangkumi kos bahan dan kos upah.
3.3 Kemasan lantai sintetik (Cadangan peruntukan waktu ialah 2 minggu)		
a. Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	• Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	Murid mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci. Guru menunjukkan beberapa contoh lukisan sebenar.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
b. Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan	• Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan lantai sintetik	Guru menerangkan arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan. Murid menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan lantai sintetik. Aktiviti tayangan slaid atau video pembinaan dan pemasangan kemasan lantai sintetik.
c. Bahan dan peralatan	• Memilih bahan dan peralatan kemasan lantai sintetik	Bahan untuk kemasan lantai sintetik seperti perekat, jubin vinil, linolium dan *cotton wool*. Peralatan yang digunakan seperti pita ukur, pengikis, pisau pemotong dan mesin penggilap. Murid memilih dan menyediakan bahan serta peralatan.
	• Menggunakan peralatan yang sesuai dengan teknik yang betul	Tunjuk cara menggunakan peralatan untuk pemasangan kemasan lantai sintetik. Murid menggunakan peralatan dengan teknik yang betul untuk pemasangan kemasan lantai sintetik.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
d. Pemasangan kemasan lantai sintetik – jubin vinil (*vinyl tiles*) dan *linolium*	• Merancang tanda pada lantai • Mengira kuantiti bahan	Tunjuk cara dan murid melakukan merancang tanda dan mengira kuantiti jubin vinil dan linolium mengikut keluasan lantai.
	• Memotong jubin vinil dan linolium	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memotong jubin vinil dan linolium.
	• Memasang jubin vinil dan linolium	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memasang jubin vinil dan linolium dengan menggunakan perekat. Murid menggunakan *cotton wool* semasa menyapu perekat pada jubin vinil dan linolium.
	• Mengemas permukaan lantai jubin vinil dan linolium	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja melicinkan permukaan lantai jubin vinil dan linolium dengan mesin penggilap. **NOTA** Murid perlu memakai `*mask*` untuk mengelakkan kesan bau glu. Lawatan ke kilang, pameran dan premis kemasan lantai sintetik.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
e. Pengiraan kos	• Membuat pengiraan kos kerja	Murid mengira kos kerja pemasangan kemasan lantai sintetik. Kos kerja merangkumi kos bahan dan kos upah.
3.4 Kemasan lantai karpet (Cadangan peruntukan waktu ialah 2 minggu)		
a. Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	• Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	Murid mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci. Guru menunjukkan beberapa contoh lukisan sebenar.
b. Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan	• Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan	Guru menerangkan arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan. Murid menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan lantai karpet. Aktiviti tayangan slaid atau video berkaitan pembinaan dan pemasangan kemasan lantai karpet.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
c. Bahan dan peralatan	• Memilih bahan dan peralatan untuk kemasan lantai karpet	Bahan kemasan lantai karpet seperti perekat dan papan kecil (*strip tack*). Peralatan yang digunakan seperti tukul, seterika dan pisau pemotong. Murid memilih dan menyediakan bahan serta peralatan kemasan lantai karpet.
	• Menggunakan peralatan yang sesuai dengan teknik yang betul	Tunjuk cara dan murid menggunakan peralatan pemasangan kemasan lantai karpet dengan teknik yang betul.
d. Pemasangan kemasan lantai karpet - karpet jubin *(carpet tiles)* dan karpet gulung	• Merancang tanda pada lantai • Mengira kuantiti bahan	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja merancang tanda dan mengira kuantiti karpet jubin dan karpet gulung mengikut keluasan lantai.
	• Memotong karpet jubin dan karpet gulung	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memotong karpet jubin dan karpet gulung.
	• Memasang karpet jubin dan karpet gulung	Tunjuk cara dan murid melakukan kerja memasang karpet jubin dan karpet gulung dengan menggunakan perekat. Semasa memasang karpet jubin dan karpet gulung murid sentiasa menguji kerataan permukaan dengan aras spirit.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
		Lawatan ke kilang atau pameran atau premis kemasan lantai karpet.
e. Pengiraan kos	• Membuat pengiraan kos kerja	Murid mengira kos bahan dan kos kerja pemasangan kemasan karpet jubin dan karpet gulung. Kos kerja merangkumi kos bahan dan kos upah.
4. Pembinaan dan Pemasangan Kemasan Dinding (Cadangan peruntukan waktu ialah 18 minggu) 4.1 Dinding ringan *(dry wall)* (Cadangan peruntukan waktu ialah 3 minggu)		
a. Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	• Mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci	Murid mentafsir lukisan kerja dan lukisan terperinci. Guru menunjukkan beberapa contoh lukisan sebenar.
b. Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan	• Menterjemah arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan dinding ringan	Guru menerangkan arahan spesifikasi pembinaan dan pemasangan kemasan dinding ringan.

BIDANG PELAJARAN / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
